

bah

CADANGAN MALAYSIA UNTUK HIJAUKAN BUMI

Mahathir - Alam Sekitar

I

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Malaysia mencadangkan kepada dunia satu program menyeluruh untuk menghijaukan satu pertiga daripada bumi ini dan mengumumkan rancangannya sendiri untuk mengekalkan hutannya meliputi sekurang-kurangnya 50 peratus daripada kawasan tanahnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan cadangan itu hari ini, juga mengesyorkan penubuhan satu tabung antarabangsa untuk membiayai usaha mencapai matlamat penghijauan bumi itu.

Ketika menghuraikan cadangan Malaysia itu, beliau berkata sebagai langkah pertama, masyarakat antarabangsa boleh menetapkan satu sasaran bahawa sebanyak 30 peratus daripada kawasan tanah di bumi ini dihijaukan menjelang tahun 2000.

+Sebanyak 27.6 peratus daripada tanah di seluruh dunia sekarang ini diliputi hutan dan kita hanya perlu menambahkan 2.4 peratus saja lagi pada jumlah ini dalam masa lapan tahun ini,+ katanya semasa merasmikan Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Hotel Crown Princess di sini.

Menteri dan pegawai kanan dari 54 negara membangun serta pemerhati dari 11 negara maju dan wakil-wakil lapan pertubuhan antarabangsa menghadiri persidangan tiga hari itu. Mesyuarat itu ialah bagi membolehkan negara-negara membangun mencari pendirian bersama untuk dibawa ke Sidang Kemuncak Bumi atau Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro Jun ini.

Dr Mahathir berkata sasaran yang dicadangkan oleh Malaysia itu tidak mustahil untuk dicapai.

+Semua negara perlu menetapkan sasaran kebangsaan masing-masing, dan mana-mana negara yang tidak mempunyai tanah yang sesuai, harus menyumbang wang yang secukupnya kepada negara-negara membangun yang mempunyai tanah,+ katanya. -- Lagi

CNS0215
U GB 27-04 00200 BH145
bah

Mahathir - Alam Sekitar 2 Kuala Lumpur ''

+Utara khususnya, tidak seharusnya mendapati perkara ini sukar kerana ia mempunyai wang, teknologi dan sumber-sumber.+

Katanya Utara boleh memindahkan subsidi yang diberikannya kepada ladang-ladang yang kurang berhasil kepada program penanam semula hutan secara besar-besaran di kawasan ladang ini.

Ini bermakna, sumber kewangan yang baru tidak diperlukan dan hasilnya ialah kewujudan kawasan hijau yang lebih luas bagi menyerap karbon dioksida.

+Bagi Malaysia, saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan Malaysia akan menentukan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah kami, akan kekal sebagai kawasan hutan,+ kata Dr Mahathir.

Sambil menyeru agar masyarakat antarabangsa segera menubuhkan satu tabung dunia untuk membantu mencapai matlamat penghijauan itu, Perdana Menteri berkata tabung itu akan membiayai rancangan penanaman semula dan pembukaan kawasan hutan yang baru selain usaha-usaha pemeliharaan dan penyenggaraan hutan.

Sumbangan untuk tabung ini harus didasarkan kepada jumlah penduduk, kekayaan dan kemampuan memenuhi sasaran penghijauan selain faktor-faktor lain yang berkaitan.

Negara-negara yang mempunyai tahap keluaran karbon dioksida yang tinggi harus membayar mengikut satu jadual yang dipersetujui.

Tetapi, Dr Mahathir berkata, dalam mencapai matlamat ini, hak negara untuk menikmati pembangunan tidak dipertikaikan. -- Lagi

▼27/04/14-43MST

CNS0254
U GB 27-04 00196 BH146
bah

Mahathir - Alam Sekitar 3 Kuala Lumpur ''

Beliau berharap penghijauan bumi ini akan merintis jalan kepada pengwujudan bentuk kerjasama dan perkongsian antarabangsa yang baru, dengan pembahagian sumber-sumber dunia secara adil.

+Jika berjaya, kita akan menyelesaikan sebahagian daripada masalah alam sekitar yang penting,+ katanya.

Dr Mahathir berkata untuk membersihkan alam sekitar, pihak yang bertanggungjawab mencemarkannya perlu bertindak.

Lapan puluh peratus daripada pencemaran di dunia berpunca daripada kegiatan industri di negara-negara Utara dan merekalah sepatutnya membersihkan dulu persekitaran masing-masing.

Badan-badan bukan kerajaan (NGO) di negara-negara ini tidak seharusnya keluar negeri, sebaliknya mengenakan tekanan ke atas kerajaan, pengilang dan pemimpin tentera di negara masing-masing.

Dr Mahathir berkata negara-negara maju mempunyai peranannya sendiri dan langkah pertama bagi mereka ialah dengan berkumpul untuk mencari pendirian bersama.

+Janganlah kita berpecah belah dalam menghadapi masalah alam sekitar ini. Kita akan sama-sama memikul tanggungjawab mengikut kemampuan masing-masing.

+Tetapi, kita sekali-kali tidak dapat terima bahawa kita korbankan pembangunan bagi membolehkan yang kaya dan yang berkuasa menikmati taraf hidup yang semakin baik,+ kata beliau.

Menurutnya, yang kayalah harus bersedia mengorbankan kemajuannya bagi kepentingan pembangunan yang miskin. -- Lagi

▼27/04/15-24MST

CNS0287

U GB 27-04 00169 BH147

bah

Mahathir - Alam Sekitar 4 Kuala Lumpur '''

Dr Mahathir berkata pembangunan dan pertumbuhan ekonomi tidak dapat tidak akan menyebabkan beberapa kesan yang kurang baik ke atas alam sekitar.

Katanya negara-negara maju telah memusnahkan alam sekitar mereka, tetapi ini tidak bermakna negara-negara membangun harus dihalang daripada cuba untuk maju.

Untuk mengurangkan tahap kemusnahan alam sekitar, maka negara-negara maju harus membiayai sebahagian daripada kosnya.

+Jika kos pembangunan meningkat disebabkan oleh soal alam sekitar sekarang, maka negara-negara membangun pada hari ini dihukum secara tidak adil. Ini tidak dapat diterima, kata beliau.

Perdana Menteri berharap peluang di Rio tidak akan dilepaskan kerana ia boleh menjadi peristiwa untuk mengorak beberapa langkah bersejarah bagi kerjasama antarabangsa yang bermakna.

Katanya Selatan telah lama sengsara dan ia tidak sepatutnya dibeban dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh Utara.

Dr Mahathir berkata Utara perlu membantu Selatan untuk membangun kerana ini ialah untuk kepentingan mereka juga daripada segi persekitaran, ekonomi dan keselamatan. -- Lagi

▼27/04/15-52MST

CNS0304

U GB 27-04 00113 BH148

bah

Mahathir - Alam Sekitar 5 (Akhir) Kuala Lumpur '''

Perdana Menteri berkata kebebasan ialah sesuatu yang sering disarankan oleh Utara dan mana-mana negara membangun yang tidak memberikan kebebasan kepada rakyatnya akan ditimpa malang.

Pada masa yang sama pula, katanya, Utara menganggap sebagai wajar tindakan menyisihkan rakyat negara membangun daripada kebebasan untuk menikmati kekayaan semula jadi negara mereka sendiri.

Dengan berkempen terhadap kayu balak tropika dan memulaukannya, mereka menyekat penduduk di Selatan daripada kebebasan mencari nafkah daripada sedikit kekayaan negara sendiri dan bebas daripada kelaparan, penyakit dan kemiskinan.

+Bolehkah mereka bercakap mengenai kebebasan sedangkan merekalah yang menyekat kita menikmati kebebasan?+. -- Bernama

▼27/04/16-10MST